

19/12/2001

Ong perlu atasi masalah Pemuda MCA

KUALA LUMPUR, Selasa - Kumpulan A ahli Jawatankuasa Pusat (CC) Pemuda MCA hari ini meminta Ketua Pemudanya, Datuk Ong Tee Keat, ikhlas dan menunaikan janji menyelesaikan masalah pergerakan itu.

Setiausaha Agungnya, Senator Yew Teong Look, berkata Ong harus mengotakan janji kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, untuk menyelesaikan masalah dalaman pergerakan itu secara baik.

"Saya percaya beliau bercakap benar. Tetapi sama ada beliau ikhlas hendak menyelesaikan masalah itu atau sebaliknya, sama-sama kita melihatnya," katanya di di Sentul di sini, hari ini.

Beliau berkata, sebarang penyelesaian harus dibuat mengikut cara dan perlembagaan parti iaitu mengutamakan keadilan dan demokrasi.

"Dua prinsip itu penting dan semua pihak harus menghormati cara serta prosedur parti untuk menyelesaikan masalah," katanya.

(END)